



# **Garis Panduan Pembinaan Bonggol Jalan (*Hump*)**

UNIT JALAN DAN PARIT  
JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 Bonggol jalan (*hump*) merupakan salah satu perabot jalan yang dibina bertujuan untuk mengawal dan memperlahankan had laju kenderaan di sesuatu lokasi. Bonggol jalan (*hump*) juga berfungsi sebagai panduan dan amaran kepada pengguna jalan raya supaya lebih peka dan berhati-hati selain sebagai langkah keselamatan untuk melindungi pengguna jalan raya, orang awam dan penduduk sekitar.
- 1.2 Terdapat keperluan terhadap pembinaan bonggol jalan (*hump*) terutama di kawasan taman perumahan memandangkan kawasan-kawasan perumahan mempunyai lokasi-lokasi tumpuan orang awam seperti sekolah, masjid/rumah ibadat dan kawasan rekreasi.
- 1.3 Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk memperjelaskan prosedur serta kriteria bonggol jalan (*hump*) yang digunakan oleh Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk membina bonggol jalan (*hump*) di jalan yang disenggara oleh MPSP.

## **2.0 PERMOHONAN**

- 2.1 Permohonan untuk membina bonggol jalan (*hump*) hendaklah dikemukakan melalui:
  - (i) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)
  - (ii) Persatuan Penduduk / Rukun Tetangga
  - (iii) Ahli Majlis / ADUN Kawasan / Ahli Parlimen
- 2.2 Pemohon perlu mengisi dengan lengkap borang permohonan yang boleh didapati di Jabatan Kejuruteraan MPSP atau dimuat turun melalui laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) > Borang > Kejuruteraan > Bonggol Jalan.
- 2.3 Borang permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan.

## **3.0 KRITERIA DAN SYARAT PEMBINAAN BONGGOL JALAN (*HUMP*)**

- 3.1 Kriteria dan syarat yang akan dipertimbangkan bagi permohonan pembinaan bonggol jalan (*hump*) adalah:
  - (i) Jalan pintas yang sibuk seperti jalan yang menghubungkan dua taman perumahan;
  - (ii) Jalan Bandaran (jalan dalam taman perumahan) dan jalan yang tidak menyambungkan di antara Jalan Negeri / Jalan Persekutuan;
  - (iii) Berhampiran kawasan tumpuan orang awam seperti masjid, surau atau rumah ibadat, dewan, taman permainan / tempat rekreasi, padang, sekolah / tadika dan lain-lain;
  - (iv) Berdekatan dengan lampu jalan sedia ada;
  - (v) Jarak di antara bonggol sedia ada yang bersesuaian;
  - (vi) Tidak terdapat petak tempat petak kereta di kiri atau kanan jalan atau keduanya.

#### **4.0 REKA BENTUK (SPESIFIKASI) DAN JENIS BONGGOL JALAN (HUMP)**

4.1 Reka bentuk bonggol jalan (*hump*) adalah sebagaimana lampiran Pelan Setara Bonggol Jalan (MPSP) dan berpandukan Arahan Teknik Jalan JKR (18/97) *Basic Guidelines On Pedestrian Facilities*.

4.2 Jenis bonggol jalan (*hump*) adalah seperti berikut:

- (i) Jenis A: Rujuk Pelan Setara Bonggol Jalan (*Hump*) Jenis A;
- (ii) Jenis B: Rujuk Pelan Setara Bonggol Jalan (*Hump*) Jenis B.

#### **5.0 PEMILIHAN JENIS REKA BENTUK BONGGOL JALAN (HUMP)**

5.1 Pemilihan reka bentuk bonggol jalan adalah seperti berikut:

- (i) Jenis A: Akan dipertimbangkan di jalan yang mempunyai kelebaran rezbab sekurang-kurangnya 4.88m (16 kaki);
- (ii) Jenis B: Akan dipertimbangkan di jalan yang mempunyai kelebaran rezbab sekurang-kurangnya 20.12m (66 kaki).


#### **6.0 CARTA ALIR PERMOHONAN**




6.1 Seperti di Lampiran A.

#### **7.0 TARIKH BERKUAT KUASA**

7.1 Garis Panduan ini akan diguna pakai bermula 1 Jun 2015.

**CARTA ALIR PROSES PEMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN (HUMP)**






**UNIT JALAN & PARIT**

PELAN SETARA BONGGOL JALAN (HUMP)  
JENIS A

Dilukis	dN
Disemak	EN SYUKRI / HAZRUL
Tarikh	MAC 2015
NO. LUKISAN	<b>MPSP/KEJ/UJP/03 (A)</b>



## UNIT JALAN & PARIT

PELAN SETARA BONGGOL JALAN (HUMP)  
JENIS B

Ditukis	dN
Disenak	EN SYUKRI / HAZRUL
Tarikh	MAC 2015
NO. LUKISAN	<b>MPSP/KEJ/UJP/03 (B)</b>